

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : YB DATUK SERI M. SARAVANAN [TAPAH]

TARIKH : 29 OKTOBER 2019 (SELASA)

SOALAN

Minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan adakah Kerajaan Pakatan Harapan berhasrat membina kolam renang di Kompleks Sukan Tapah sebagai projek fasa ke dua sepertimana janji Kerajaan terdahulu semasa majlis perasmian kompleks sukan tersebut, yang telah diumumkan oleh Mantan Menteri Belia dan Sukan yang lalu. Adakah ia akan direalisasikan oleh Kerajaan Pakatan Harapan.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Belia dan Sukan buat masa ini tiada perancangan untuk membina kolam renang di Kompleks Sukan Tapah. Walau bagaimanapun, permohonan ini perlu dikaji semula mengikut keperluan serta kemampuan kerajaan yang perlu diambil kira dari aspek kos pembinaan, kos penyelenggaraan, sumber manusia dan lain-lain aspek.

Sekian terima kasih.